



## **SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT**

**S.A. 2016/05/42 (HQ)**

### **SEMBILAN (9) BUAH RUMAH BAITI JANNATI TNB UNTUK TAHUN 2016**

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** pada tahun ini memperuntukkan Sembilan (9) buah rumah Baiti Jannati bagi Tahun 2016 di negeri Perak. Kesemua Sembilan (9) orang penerima bantuan rumah tersebut telah dikenal pasti.

Menurut Pengurus Negeri (Perak), Bahagian Penghantaran TNB, Ir. Abdul Halim Baharudin berkata, bagi Peringkat Negeri Perak setakat tahun 2015 sebanyak 37 buah rumah telah berjaya dibaiki sejak tahun 2008 melibatkan kos sebanyak **RM1.132 juta**.

Tambah beliau lagi, bagi peringkat kebangsaan pula setakat tahun 2015 sebanyak 228 buah rumah telah berjaya dibaiki sejak tahun 2007 melibatkan kos sebanyak **RM7.113 juta**.

Ir. Abdul Halim turut menegaskan bahawa Baiti Jannati ini adalah salah satu program Tanggungjawab Korporat TNB untuk membaiki rumah kediaman golongan yang memerlukan bantuan antaranya orang kurang upaya, ibu tunggal, warga emas dan penduduk miskin yang tinggal di luar bandar.

Di majlis tersebut, TNB menyerahkan replika kunci rumah sebagai gimik perasmian. Rumah tersebut bernilai RM 50,000.00 Selain itu, terdapat beberapa kelengkapan elektrik lain hasil sumbangan warga kerja TNB.

Turut hadir, Y.B. Dato' Mohamad Daud Mohd Yusof, Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Selama.

**Dikeluarkan di Selama, Perak pada 12 Mei 2016**

*Untuk sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /  
Norfadzilah Sha'ary (019-3369681) / Puti Mazlina Mashudi (013-3642727)*

[media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)